

Soalan 2 Ringkasan

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang kesan kemasukan pendatang asing tanpa izin. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Ekonomi Malaysia berkembang pesat kerana projek pembangunan raksasa berjalan dengan lancar. Sebagai hasilnya, wujudlah peluang pekerjaan yang meluas di negara ini. Namun begitu, timbul masalah kekurangan tenaga kerja ekoran peluang pekerjaan yang banyak. Kini, Malaysia menjadi tumpuan pendatang tanpa izin yang ingin mencari rezeki lumayan. Namun begitu, kemasukan pendatang tanpa izin yang banyak telah mengundang pelbagai masalah.

Kerajaan telah menghadapi kesulitan untuk membanteras kemasukan pendatang tanpa izin. Golongan pendatang akan ditahan dan ditempatkan di kem tahanan sebelum dihantar pulang ke negara asal. Hal ini menyebabkan banyak tenaga, wang, dan masa dibazirkan dalam usaha untuk mencegah kemasukan dan menghantar pulang pendatang tanpa izin.

Selain itu, terdapat pendatang tanpa izin yang merupakan penjenayah yang dikehendaki oleh pihak berkuasa di negara asal mereka. Hal ini menyebabkan keselamatan sosial penduduk tempatan terancam. Pendatang tanpa izin terus melakukan jenayah di negara ini. Keadaan ini menyebabkan penduduk tempatan hidup dalam ketakutan.

Kedatangan pendatang tanpa izin juga mendatangkan masalah perumahan. Mereka akan mendirikan kawasan perumahan secara haram, misalnya setinggan. Kawasan setinggan ini tidak teratur dan kekurangan kemudahan asas seperti sistem pembuangan sampah dan sistem kumbahan. Hal ini menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar.

Majikan lebih gemar mengupah pendatang tanpa izin kerana bayaran gaji mereka jauh lebih murah. Kesannya, peluang pekerjaan rakyat tempatan terjejas. Di saat nilai ringgit semakin jatuh, peluang pekerjaan rakyat menjadi semakin sempit. Rakyat terpaksa menghadapi tekanan kos sara hidup yang tinggi.

Kita memerlukan tenaga asing dalam pembangunan negara. Namun begitu, kehadiran mereka terutamanya golongan pendatang tanpa izin juga banyak menimbulkan masalah. Kerajaan perlu menangani masalah ini dengan serius supaya rakyat Malaysia tidak menjadi minoriti di tanah air sendiri.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Kesan Kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin',
Dewan Siswa, Februari 2013)

Kemasukan _____ ke Malaysia
banyak memberikan _____. Antaranya ialah kerajaan
menghadapi kesulitan(困难) _____.
Keselamatan penduduk kian terancam(受威胁) kerana _____
_____. Di samping _____, kemasukan PATI juga
menimbulkan masalah(产生问题) perumahan, iaitu _____.
Sejajar dengan itu,(因为这样) masalah pencemaran _____
kerana _____.
Akhir sekali, peluang pekerjaan _____.
Rakyat tempatan juga terpaksa menghadapi tekanan _____.
(_____ patah perkataan)